



# STATUS HADIS BERKAITAN LIWAT DALAM KITAB TANBIH AL-GHAFLIN OLEH HAJI ABDULLAH BIN ABDUL MUBIN

(An Analysis of the Authenticity of Hadīth on Liwāt (sodomy) in Tanbīh al-Ghāfilīn by Haji Abdullah bin Abdul Mubin)

**Mohd Fauzi Mohd Amin**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

## Abstract

*Tanbīh al-Ghāfilīn* is a Jawi-scripted religious text authored by Sheikh Abdullah bin Abdul Mubin al-Shāfi‘ī in 1306H. The book was printed by several publishing houses, including Mustafa Al-Babiy Al-Halabi Press in Cairo (1342H) and Darul Ma‘arif Press in Penang (1354H). The work is divided into twelve chapters, each addressing the punishments for major sins such as abandoning prayer, disobeying parents, consuming alcohol, committing adultery, engaging in liwāt (sodomy), consuming usury, mourning excessively, refusing to pay zakāh, unlawful killing, severing family ties, neglecting spousal rights, the horrors of the Day of Judgement, and the descriptions of Paradise. The author compiles hadīth that warn against these major sins. Most of the hadīth in the book are presented in Malay translation without the original Arabic text, sources, chains of transmission (*isnād*), or any indication of their status—whether ṣaḥīḥ, ḥasan, da‘īf, or mawdū‘. This study focuses on evaluating the hadīth found in Chapter Five, which discusses the punishment for committing liwāt, amounting to a total of seven hadīth. The research applies the methodology of takhrīj al-ḥadīth, combining classical hadīth scholarship with modern digital tools to verify authenticity. Findings reveal that none of the hadīth cited in this chapter include any *isnād*, source, or original Arabic text. One hadīth was authenticated as ṣaḥīḥ, one as mawdū‘, one as da‘īf, and four hadīth had no traceable source, though some had similar wordings found in classical sources. The status of these hadīth was established based on the views of recognized hadīth scholars (*ulamā’ al-ḥadīth*).

**Keywords:** *Tanbīh al-Ghāfilīn*, ḥadīth analysis, liwāt, takhrīj al-ḥadīth, hadīth status, Malay religious texts, Abdullah bin Abdul Mubin.

## Article Progress

Received: 24 February 2025

Revised: 4 March 2025

Accepted: 30 April 2025

\*Corresponding Author:  
Mohd Fauzi Mohd Amin.  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:  
[fauziamin@usim.edu.my](mailto:fauziamin@usim.edu.my)

## PENDAHULUAN

Artikel ini adalah hasil penilaian terhadap hadis-hadis dalam kitab Tanbih al-Ghafelin yang ditulis oleh oleh Sheikh Abdullah bin Abdul Mubin, hadis yang dikaji dan dinilai ialah bab yang kelima iaitu bab batasan keatas dosa peliwat. Hadis yang dinilai berkaitan seksa akibat melakukan liwat. Hadis yang ditulis berkaitan liwat dalam bab lima ini tidak dinyatakan sumbernya dan perawinya, tidak diterangkan status setiap hadis sama aada sahih, hasan, dhaif dan sebagainya. Penulis akan menulis semula kandungan hadis dalam bab dosa liwat ini kedalam tulisan rumi yang asalnya adalah tulisan jawi dan semua hadis-hadis yang terdapat di dalam bab ini akan dikaji. Seterusnya akan membuat penilaian hadis tersebut. Bilangan hadis dalam bab ini adalah tujuh hadis. Dalam menentukan status hadis penulis berpegang dan berpandukan kepada pandangan ulama hadis yang muktabar. Kajian secara umumnya penulis menetapkan status hadis seperti hadis sahih, hadis hasan, hadis dhif, hadis maudhu' dan hadis yang tidak dijumpai dalam kitab-kitab hadis serta mengenal pasti sumber hadis dalam kitab-kitab hadis. Penulis akan membuat carian hadis dan mengeluarkannya menggunakan semua kaedah takhrij hadis yang telah ditetapkan oleh ulama hadis, juga menggunakan kaedah carian menerusi digital dan dalam talian.

## PENGENALAN KEPADA KITAB TANBIL AL-GHAFILIN

Kitab “*Tanbih Al-Ghafilan Pada Menyatakan Ilmu Hadis*” dikarang oleh Haji Abdullah bin Abdul Mubin As-Syafi’e pada bulan Sya’ban tahun 1306 Hijrah. Kitab ini mengandungi 12 bab yang membincarkan tentang batasan orang yang melakukan dosa besar dan lalai dalam mengerjakan suruhan Allah. Bab-bab tersebut ialah bab batasan bagi yang meninggalkan solat, bab dosa derhaka kedua ibubapa, bab dosa minum arak, bab dosa berzina, bab dosa liwat, bab dosa riba, bab dosa meratapi kematian, bab dosa enggan mengeluarkan zakat, bab dosa membunuh dengan sengaja, bab dosa memutus silaturahim, bab keadaan hari kiamat dan bab sifat syurga dan ahlinya<sup>1</sup>. Kitab ini memuatkan sebilangan besar hadis Nabi SAW, namun kebanyakan hadis yang ditulis tidak dinyatakan asalnya, tetapi hanya dinyatakan maksud hadis sahaja dalam Bahasa Melayu, ia juga tidak dinyatakan perawinya dan tidak dijelaskan status hadis. Terdapat juga beberapa perkataan dalamnya sukar difahami yang memerlukan penjelasan maksudnya, terdapat juga penulisan jawi yang sukar dibaca yang perlu kepada penjelasan ejaan. Hadis-hadis yang terdapat dalam kitab ini mempunyai pelbagai status hadis seperti *sahih, hasan, dhaif, maudhu’* dan hadis yang tidak diketahui sumber asalnya. Dalam kitab ini terdapat ayat yang sukar difahami, serta perkataan yang asalnya daripada Bahasa Arab dan tulisan jawi edisi lama yang susah difahami. Kitab ini mengandungi 22 halaman, dicetak oleh Syarikat Bin Halabi Fatani.

## HADIS MENERANGKAN BATASAN AKIBAT PELAKU LIWAT

Pengarang kitab ini memulakan bab kelima ini dengan membawa ayat al-Quran pada menyatakan seksa orang yang melakukan liwat dalam firman Allah SWT Surah al-Syura ayat 165:

﴿أَتَأْتُونَ الدُّكَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ﴾ .

Bermaksud: “*Mengapakah kamu mendatangi jenis lelaki di antara manusia (berbuat homoseks)*”.

Selepas itu pengarang membawa hadis seperti berikut:-

### Hadis Pertama

Pengarang membawa hadis pertama dalam bab liwat ini dengan lafaz :-

وقال النبي ﷺ: ((من عملَ عمَلَ قَوْمٌ لُوطٌ فاقتُلُوا الفَاعِلُ وَالْمَفْعُولُ بِهِ)).

Telah bersabda Nabi ﷺ: *Barang siapa mengerjakan pekerjaan kaum Nabi Allah Luth, maka hendaklah bunuh yang berbuat dan diperbuat.*

Takhrij Hadis:

1- Riwayat daripada Ibnu ‘Abbas.

Pengkaji mendapati lafaz hadis tersebut diriwayatkan oleh al-Tirmizi, Abu Daud, Ibnu Majah dan al-Baihaqi. dengan sanad mereka daripada Ibnu ‘Abbas daripada Nabi ﷺ seperti berikut:-

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٍ فاقتُلُوا الْفَاعِلُ وَالْمَفْعُولُ بِهِ)).

Bermaksud: “*Sesiapa yang kamu temui mengamalkan amalan kaum Nabi Lut, hendaklah bunuh pelaku dan yang diperlaku.*”<sup>2</sup>

Menurut al-Zahabi, sanad hadis ini adalah sahih (Al-Zahabi 1978. 4: 355). Menurut al-Hakim sanad hadis ini adalah *sahih* (Al-Hakim 1978. 4: 355).

<sup>1</sup>Abdullah bin Abdul Mubin. *Tanbih al-Ghafilan*. Matba’ah bin Halabi. Falani. Tanpa Tarikh. Hlm 2.

<sup>2</sup> Al-Tirmizi. No 1456; Abu Daud. No 4462; Ibnu Majah, 2: 856; Al-Baihaq, 8: 232

Hadis ini juga diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam *al-Sunan al-Kubra* dengan lafaz yang sedikit berbeza dan lebih ringkas, dengan sanadnya juga daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ seperti berikut:-

عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: ((مَنْ وَقَعَ عَلَى الرَّجُلِ فَاقْتُلُوهُ، يَعْنِي قَوْمً لُوطٌ)).

Maksudnya: *Daripada Ibnu Abbas bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang menyebutuhi laki-laki, maka bunuhlah dia, iaitu melakukan perbuatan kaum Lut."* (Al-Baihaqi 1354 H 8: 232).

Diriwayatkan juga oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak* dan al-Baihaqi dalam *al-Sunan al-Kubra* dengan sanad keduanya daripada Ibnu Abbas yang lafaznya ada penambahan diawalnya, daripada Nabi ﷺ:

عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، ذَكَرَ النَّبِيُّ ﷺ، أَنَّهُ قَالَ: فِي الَّذِي يَأْتِي الْبَهِيمَةَ: ((اَفْتُلُوا الْفَاعِلَ، وَالْمَفْعُولَ بِهِ)).

Maksudnya: *Orang yang mendatangi (bersetubuh) dengan haiwan kamu bunuhlah si pelaku dan yang diperlakukan.* (Al-Hakim 1978. 4: 355; Al-Baihaqi No.6131).

Diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ:

عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٍ فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ)).

Maksudnya: *Dari Ibnu Abbas beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Siapa yang kamu sekalian dapati sedang melakukan perbuatan kaum Luth, maka bunuhlah pelaku dan yang diperlukannya.* (Ahmad 1995. 3: 219). Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah sahih (Muhammad Shakir 1995. 3: 219). Diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ dengan lafaz yang sedikit berbeza:

((اَفْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ، فِي عَمَلِ قَوْمٍ لُوطٍ، وَالْبَهِيمَةَ وَالْوَاقِعَ عَلَى الْبَهِيمَةَ، وَمَنْ وَقَعَ عَلَى ذَاتِ مُحْرَمٍ، فَاقْتُلُوهُ)).

Maksudnya: *Bunuhlah si pelaku dan yang diperlakukan, dalam perbuatan kaum Nabi Lut (liwat), binatang yang disetubuhi, dan yang melakukan persetuhan keatas binatang, sesiapa yang menyebutuhi mahramnya maka bunuhlah.* (Ahmad 1995. 3: 217). Menurut Ahmad Muhammad Shakir sanad hadis ini adalah *hasan* (Muhammad Shakir 1995. 3: 217). Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud, al-Tirmizi, Ibnu Majah dan al-Baihaqi. Kesemua sanad mereka terdapat ‘Amr Ibni Amr daripada ‘Ikrimah daripada Ibnu Abbas di mana ‘Amr Ibn Amr telah diterima hujahnya “*ihtajju bih*” oleh al-Bukhari, Muslim dan oleh selain daripada keduanya dan menurut Ibnu Mai’in, beliau adalah *thiqah* (diperlakukan) (Al-Munziri 1968. 3:288). Oleh itu hadis ini adalah sahih.

## 2- Riwayat daripada Abu Hurairah.

Hadis ini juga diriwayat oleh Abu Hurairah lafaznya lebih ringkas daripada riwayat Ibnu ‘Abbas iaitu dikeluarkan oleh al-Tirmizi sanadnya daripada Abu Hurairah daripada Nabi ﷺ seperti berikut:-

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: ((اَفْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ)).

Maksudnya: *Dari Abu Hurairah dia berkata daripada Nabi ﷺ bersabda: Bunuhlah si pelaku liwat dan yang diperlakukan.*

Menurut al-Tirmizi, sanad hadis ini telah dipertikaikan di mana pada sanadnya ‘Asim Bin ‘Amr Al-Amr dan menurut al-Tirmizi, beliau adalah *daif* (lemah) di sudut hafalannya (al-Tirmizi 1980. 5: 22).

Dalam riwayat oleh Ibnu Majah terdapat penambahan lafaz diakhirnya dengan sanadnya juga daripada Abu Hurairah daripada Nabi seperti berikut:-

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ: فِي الَّذِي يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٌ قَالَ: ((إِنْجُمُوا الْأَعْلَى وَالْأَسْفَلَ إِنْجُمُوهُمَا جَمِيعًا)).

Maksudnya: *Dari Abu Hurairah, daripada Nabi ﷺ tentang orang yang melakukan perbuatan kaum Nabi Lut, Rasulullah ﷺ bersabda: Kamu harus merejamnya, sama ada yang posisinya di atas atau di bawah, rejamlah kedua-duanya secara bersamaan.* (Ibnu Majah tanpa tarikh. 2: 856). Al-Albani menyatakan hadis ini adalah *hasan lighairihi*.

Dalam riwayat yang dikeluarkan oleh al-Hakim dengan lafaz yang sedikit berbeza, sanadnya daripada Abu Hurairah daripada Nabi ﷺ seperti berikut:-

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٍ، فَإِنْجُمُوا الْفَاعِلَ، وَالْمَفْعُولَ)).

Maksudnya: *Sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Lut maka rejamlah keatas si pelaku dan yang diperlakukan.* (Al-Hakim 1978. 4: 355).

## Hadis Kedua

Pengarang kitab *Tanbih al-Ghafilan* telah menukilkan kalam Ibnu Abbas RA: “*Bermula had (hudud) orang yang berliwat itu bahawa dilontarkan dengan batu pada tempat yang tinggi hingga mati. Maka bahawasanya Allah SWT merejamkan kaum Luth dengan batu dari langit dan jika dimandikan orang yang berliwat itu dengan segala air di dunia ini nescaya tiada hilang najis pada tubuhnya hingga mati.*”<sup>3</sup>

Maka apabila seorang lelaki berzina, bergeraklah Arasy dan berpeganglah segala malaikat pada tiang Arasy serta membaca surah al-Ikhlas hingga hilang bergerak (bergegar) Arasy tuhannya.

Takhrij Hadis:

Lafaz hadis yang dinukilkan oleh pengarang dalam kitabnya dalam Bahasa Melayu sahaja, lafaz ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu.

Pada bahagian pertama “*dilontarkan dengan batu pada tempat yang tinggi hingga mati*”: Iaitu sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam *Syu'ab al-Iman* dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas secara *mauquf* (terhenti kepada sahabat):

أَنَّ ابْنَ عَبَّاسٍ، سُئِلَ: مَا حَدُّ الْلُّوْطِ؟ قَالَ: يُنْظَرُ أَعْلَى بِنَاءً بِالْقَرْبَةِ فَيُلْقَى مِنْهُ، ثُمَّ يُتَبَعُ بِالْحِجَارَةِ.

Maksudnya: *Ibn Abbas ditanya apakah hukum had keatas peliwat: Dia menjawab: Perhatikan bangunan tertinggi di kampung itu dan dilemparkan daripadanya, kemudian mengikuti (lontar) dengan batu.*<sup>4</sup>

Dengan lafaz yang sedikit berbeza, hadis tersebut juga diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah di dalam *al-Musannafi al-Ahadis wa al-Athar* dan al-Baihaqi dalam *al-Sunan al-Sughra* dan *al-Sunan al-Kubra* dengan sanad keduanya daripada Ibnu Abbas secara *mauquf* (yang diriwayatkan daripada sahabat sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuan mereka. Iaitu terhenti setakat sahabat sahaja).

<sup>3</sup> Abdullah bin Abdul Mubin. *Tanbih al-Ghafilan*. Hlm 7.

<sup>4</sup> Al-Baihaqi (1990), Juz 7, Hlm 281.

عَنْ أَبِي نَصْرَةَ، قَالَ: سُعِلَ ابْنُ عَبَّاسٍ: مَا حَدُّ اللُّوْطِيِّ؟، قَالَ: يُنْظَرُ أَعْلَى بِنَاءً فِي الْقَرْيَةِ فَيُرْمَى بِهِ مُنْكَسًا، ثُمَّ يَتَبَعُ بِالْحِجَارَةِ.

Maksudnya: *Dia melihat sebuah bangunan di kampung itu dan dilempar ke belakang, kemudian diikuti dengan batu.* (Ibnu Abi Syaibah 1989. 5:496; Al-Baihaqi 1989).

Peristiwa Allah merejam kaum Luth dengan batu dari langit disebabkan perbuatan keji mereka itu dapat dilihat di dalam firman Allah SWT di dalam Surah Hud iaitu:

﴿فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَالَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّنْ سِجِيلٍ مَّنْضُودٍ مُّسَوَّمَةً عِنْدَ رِبَّكَ وَمَا هِيَ مِنَ الظَّالِمِينَ يُبَعِّدُ﴾

Maksudnya: *Maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah kami, kami jadikan negeri kaum Luth itu tunggang balik (tertimbus segala yang ada di muka buminya), dan kami menghujani nya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menimpanya bertalu-talu, batu-batu itu ditandakan di sisi tuhan mu (untuk membinasakan mereka), dan ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim.* (Hud 11:82,83).<sup>5</sup>

Al-Baghawi telah menjelaskan permasalahan hukum hudud terhadap orang melakukan liwat di dalam *Syarah As-Sunnah*, menurutnya ulama telah berselisih pendapat tentang hukum hudud terhadap orang yang berliwat, setengah pendapat menyatakan hukumannya sama dengan hukuman zina iaitu jika sudah berkahwin hendaklah direjam, dan bagi yang belum berkahwin hendaklah disebat seratus kali sebatan. Ini adalah pendapat Sa'ed bin al-Musayyib, Ala' bin Abi Rabah, al-Hasan, Qatadah, al-Nakha'e, al-Thauri, al-Auzai'e, Abu Yusuf, Muhammad dan Azhar berdasarkan pandangan mazhab Syafi'e dan hukuman ke atas *mafū'ulun bih* (yang kena liwat) di sisi Syafi'e adalah seratus sebatan dan dibuang daerah setahun "taghrīb a'am". Hukuman ini adalah sama ada lelaki ataupun perempuan, sama ada *muhsan* (sudah berkahwin) alau bukan *muhsan* (belum berkahwin). Menurut pendapat ulama yang lain, hukuman orang yang berliwat adalah direjam sama ada *muhsan* alau bukan *muhsan*. Ini adalah diriwayatkan oleh Sa'i'd bin Jubair dan Mujahid daripada Ibnu Abbas dan juga diriwayatkan oleh al-Sya'bi dan al-Zuhri. Menurut al-Baghawi lagi, pendapat ini adalah pendapat Malik, Ahmad dan Ishak serta menurut pendapat setengah daripada mazhab Syafi'e, hendaklah dibunuhi kedua-duanya iaitu *al-fa'il* dan *al-mafū'ulun bihi* sebagaimana zahir hadis di atas, dan di sisi Abu Hanifah pula hendaklah dikenakan *ta'zir*, bukannya dihukum hudud.<sup>6</sup>

Pada bahagian kedua "jika dimandikan orang berliwat itu dengan segala air di dunia ini nescaya tiada hilang najis": Al-'Ajluni menyebutkan dalam kitabnya *Kasyfu al-Khafa'* bahawa hadis ini terkandung dalam kitab *al-Mawdhu'a t* oleh Ibn al-Jawzi dan al-Suyuti dalam *al-Lali' al-Masnu'ah*, dan al-Sakhawi menyebutkan dalam kitabnya *al-Maqasid al-Hasanah*, bahawa makna hadis ini adalah balil. Lafaz hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Dailami dengan sanadnya daripada Abu Hurairah secara *marfu'*.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَفِعَةَ: الْمُتَلَّطُ لَوْ اغْتَسَلَ بِكُلِّ قَطْرَةٍ تَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ إِلَى وَجْهِ الْأَرْضِ إِلَى أَنْ تَفُومَ السَّاعَةُ لَمَّا طَهَرَهُ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ النَّجَاسَةِ أَوْ يَتُوبُ.

Maksudnya: *Seandainya orang yang melakukan liwat itu mandi dengan tiap-tiap titisan yang turun dari langit ke muka bumi hingga berlakunya kiamat, nescaya Allah tidak akan membersihkannya daripada najis (tidak menghapuskan dosanya), atau dia bertaubat.*<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (1982), hlm. 528.

<sup>6</sup> Al-Baghawi (1983), 10: hlm. 309.

<sup>7</sup> Al-Dailami (1986), 4:198; al-A'juni (1985), 2: 201; al-Sakhawi (1985); al-Suyuti (1996); Ibn al-Jawzi.

Dalam riwayat lain oleh al-Dailami dengan sanadnya daripada Anas bin Malik secara *marfu'*.

عن أنس مرفوعاً: لَوْ اعْتَسَلَ الْلُّوطِيُّ إِمَاءَ الْبَحْرِ لَمْ يَجِئِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا جُنْبَا. قَالَ الْأَصْلُ: بَاطِلٌ، وَكَذَّا مَا فِي مَعْنَاهُ.

Maksudnya: *Jika mandi orang yang berliwat dengan air selautan, tidak dibangkitkan pada hari kiamat nanti kecuali dia tetap dalam keadaan junub.* (Ad-Dailami 1986. 3:373). Menurut As-Sakhawi, hadis yang diriwayatkan oleh Ad-Dailami ini adalah batil (As-Sakhawi 1985:544).

Hadis ini telah disebutkan oleh al-Kannani dalam *Tanzih al-Syariah* dan al-Sakhawi dalam *al-Maqasid al-Hasanah*, beliau menyatakan diriwayatkan oleh al-Dailami dengan sanadnya daripada Anas secara *marfu'* iaitu disandarkan kepada Nabi:

لَوْ اعْتَسَلَ الْلُّوطِيُّ إِمَاءَ الْبَحْرِ لَمْ يَجِئِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا جُنْبَا. أَسْنَدَهُ الدِّيلَمِيُّ عَنْ أَنْسٍ بِهِ مَرْفُوعًا.

Maksudnya: *Jika mandi orang yang berliwat dengan air selautan, tidak hadir pada hari kiamat nanti kecuali dia tetap dalam keadaan junub.* Al-Dailami menyambungkan sanadnya daripada Anas dan *marfu'* kepada Nabi. Hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Khalib daripada Anas dan menurut al-Kannani, kesemua *rijal* nya adalah *thiqah* kecuali Muhammad bin al-Abbas bin Suhail dan dialah yang memalsukan hadis ini. (Al-Kannani 1981.2:220; Al-Sakhawi 1985.). Menurut Mulla ‘Ali al-Qari (1398H) dalam *al-Masnu' fi Ma'rifali al-Hadis al-Maudu'* dan ulamak hadis yang lain mengatakan hadis ini batil dan tiada asalnya iaitu *maudu'*.

Lafaz hadis tersebut pada bahagian yang ketiga “Apabila zina lelaki, bergeraklah Arasy dan berpeganglah segala malaikat pada tiang Arasy”: Ia dapat dikesan sebagaimana yang disebutkan oleh al-Zahabi dalam *al-Kabair* dengan *Sighah al-Tamrid* iaitu:

وَرُوِيَ أَنَّهُ إِذَا رَكَبَ الذَّكَرُ الذَّكَرَ اهْتَزَ عَرْشَ الرَّحْمَنَ خَوْفًا مِنْ غَضْبِ اللَّهِ تَعَالَى، وَتَكَادُ السَّمَاءُوَاتُ أَنْ تَقْعُ عَلَى الْأَرْضِ، فَتَمْسِكَ الْمَلَائِكَةُ بِأَطْرافِهَا، وَتَقْرَأُ: قَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، إِلَى آخِرِهَا حَتَّى يَسْكُنَ غَضْبُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Maksudnya: Diriwayatkan bahawa: *Jika lelaki itu membasahi lelaki (melakukan liwat), maka bergegarlah Arasy Tuhan Yang Maha Pemurah kerana takut akan kemurkaan Allah Ta’ala. Hampir-hampir langit jaluh ke bumi, maka para malaikat memegang pada bahagian-bahagiannya. Kamu bacalah surah al-Ikhlas hingga akhir, sehingga kemurkaan Tuhan Yang Maha Esa meredakan.*<sup>8</sup>

Lafaz ini tidak dapat dipastikan, sama ada ia datang daripada sumber asal yang sahih kerana pengarang telah menyebut dengan *sighah tamridh*. Dengan lafaz yang berbeza al-Kanani telah menyebut di dalam kitabnya *Tanzih al-Syariah* iaitu:

إِذَا عَلَا الذَّكَرُ عَلَى الذَّكَرِ اهْتَزَّ الْعَرْشُ، وَقَالَتِ السَّمَاءُوَاتُ: يَا رَبِّ مُرْنَنَا نَحْصِبُهُ، وَقَالَتِ الْأَرْضُ: مُرْنَنَا نَبْتَلِعُهُ، فَقَالَ: دَعْوَةُ فِيَّنَ طَرِيقَهُ عَلَيَّ وَوُقُوفَهُ بَيْنَ يَدَيَّ.

Maksudnya: *Apabila seorang lelaki naik di atas lelaki, ‘Arasy bergegar. Langit berkata: Ya Tuhan, perintahkan kami untuk menghitungnya, dan bumi berkata: Perintahkan kami menelannya. Lalu berkatalah ia: Tinggalkan dia, kerana jalannya di atasku, dan dia berdiri di hadapanku.* Menurut al-Kanani, sanadnya adalah *waham* (samar) dan malannya pula adalah *maudhu'* (palsu) beliau juga menukillkan daripada Ibn Jawzi bahawa hadis ini adalah *maudhu'*.<sup>9</sup>

<sup>8</sup> Al-Zahabi (1978), hlm. 98.

<sup>9</sup> Al-Kanani (1981), 2: 231

### Hadis Ketiga

Pengarang menukilkan sebuah hadis dengan berkata, telah bersabda Nabi SAW: *Tujuh kaum diseksa terlalu pedas (sakit), sualu (pertama) fai'l (peliwat), dan kedua mafu'l (yang kena liwat), (dan ketiga) yang berzina dengan perempuan pada duburnya, (dan keempat) zina dengan binatang, (dan kelima) zina dengan perempuan dan anaknya, (dan keenam) zina dengan perempuan yang sudah bersuami, (dan ketujuh) orang yang menyakiti orang sekampung dengannya melainkan bahawa dia bertaubat.*

Takhrij Hadis:

#### 1- Riwayat Abdullah bin'Amr.

Lafaz hadis tersebut tidak dapat dikesan kecuali terdapat lafaz yang berbeza iaitu yang dinukilkan oleh Abu Laith al-Samarqandi<sup>10</sup> dengan sanadnya daripada Abdullah bin 'Amr daripada Nabi

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: ((سَبَعَةٌ لَا يَنْظُرُ اللَّهُ، إِلَيْهِمْ يَوْمُ الْقِيَامَةِ، وَلَا يُزَكِّيهِمْ، وَيَقُولُ: اذْخُلُوا النَّارَ مَعَ الدَّاخِلِينَ، الْفَاعِلُ وَالْمَفْعُولُ بِهِ، وَالنَّاكِحُ الْبَهِيمَةِ، وَنَاكِحُ الْمَرْأَةِ فِي دُبُّهَا، وَالْجَامِعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَابْنَتِهَا، وَالرَّانِي بِخَلِيلَةِ جَارِهِ، وَالْمُؤْذِي بِجَارِهِ حَتَّى يَلْعَنَهُ)).

Maksudnya: Daripada Abdullah bin 'Amr berkata: Telah bersabda Rasulullah SAW:

"Tujuh golongan yang tidak akan dilindungi kepada mereka oleh Allah pada hari kiamat, mereka tidak diringankan siksaannya. Mereka berkata: Masuklah mereka ke dalam api nereka bersama orang yang masuk ke dalamnya. 1. Orang yang melakukan liwat dan yang diperlakukan, 2. Menikahi dengan tangan (onani), 3. Bersetubuh dengan binatang, 4. Bersetubuh melalui dubur, 5. Bersetubuh dengan perempuan dan anak perempuannya, 6. Berzina dengan isteri jirannya, 7. Menyakiti hati jirannya sehingga melaknatnya."<sup>11</sup>

#### 2- Riwayat Anas bin Malik

Diriwayatkan juga oleh al-Baihaqi di dalam *Syu'abu al-Iman* dan al-Dailami dengan sanad keduanya daripada Anas bin Malik daripada Rasulullah ﷺ dengan lafaz:-

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((سَبَعَةٌ لَا يَنْظُرُ اللَّهُ إِلَيْهِمْ يَوْمُ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَا يَجْمِعُهُمْ مَعَ الْعَالَمِينَ، يُدْخِلُهُمُ النَّارَ أَوَّلَ الدَّاخِلِينَ إِلَّا أَنْ يَتُوبُوا، إِلَّا أَنْ يَتُوبُوا، فَمَنْ تَابَ تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ، النَّاكِحُ يَدَهُ، وَالْفَاعِلُ وَالْمَفْعُولُ بِهِ، وَالْمَدْمُونُ بِالْحُمْرَ، وَالضَّارِبُ أَبْوَيْهِ حَتَّى يَسْتَغْيِثَا، وَالْمُؤْذِي حِيرَانَهُ حَتَّى يَلْعَنُهُ، وَالنَّاكِحُ خَلِيلَةَ جَارِهِ)).

Maksudnya: Daripada Anas bin Malik, dari Nabi baginda bersabda: "Ada tujuh orang yang tidak dilihat oleh Allah pada hari kiamat, dan tidak diringankan siksaan mereka, dan tidak akan mengumpulkan mereka bersama makhluk alam. Allah akan memasukkan mereka ke dalam neraka terlebih dahulu, melainkan jika mereka bertaubat, melainkan mereka bertaubat, melainkan mereka bertaubat, maka sesiapa yang bertaubat, Allah akan menerima taubatnya. Juga orang yang onani (melancap), orang yang meliwat dan yang kena liwat, dan orang yang ketagih arak, dan orang yang memukul ibu bapanya sehingga dia menjerit meminta tolong, dan orang yang menyakiti jirannya sehingga mereka melaknatnya, dan yang berzina dengan isteri jirannya".<sup>12</sup>

#### 3- Riwayat Ibnu Umar.

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh al-Dailami dengan lafaz yang berbeza yang diriwayatkan

<sup>10</sup> Abu Laith al-Samarqandi. *Tanbih al-Ghafilin*.

<sup>11</sup> As-Samarqandi (1980), 1: 150.

<sup>12</sup> Al-Baihaqi (1990), 4: 378); Ad-Dailami (1986), 2: 332.

daripada Ibnu Umar terdapat penambahan

"وناکح البهيمة"

bermaksud "mensetubuhi binatang".

#### 4- Riwayat Abu Hurairah.

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak* dengan sanadnya daripada Abu Hurairah daripada Nabi ﷺ dengan lafaz:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: ((أَعْنَ اللَّهَ سَبْعَةً مِنْ خَلْقِهِ))، فَرَدَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ عَلَى كُلِّ وَاحِدٍ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ قَالَ: ((مَلْعُونٌ مَلْعُونٌ مِنْ عَمَلِ عَمَلٍ قَوْمٌ لُوطٌ، مَلْعُونٌ مَنْ جَمَعَ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَابْنَتَهَا، مَلْعُونٌ مَنْ سَبَّ شَيْئًا مِنْ وَالِدَيْهِ، مَلْعُونٌ مَنْ أَتَى شَيْئًا مِنْ الْبَهَائِمِ، مَلْعُونٌ مَنْ غَيَّرَ حُدُودَ الْأَرْضِ، مَلْعُونٌ مَنْ ذَبَحَ لِغَيْرِ اللَّهِ، مَلْعُونٌ مَنْ تَوَلَّ غَيْرَ مَوَالِيهِ)).

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah kalanya, telah bersabda Nabi SAW: "Allah melaknat tujuh golongan daripada hambanya. Rasulullah SAW menjawab bagi setiap salu golongan sebanyak tiga kali. Kemudian baginda bersabda: Celaka celaka celaka siapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Lut. Celaka keatas yang menghimpunkan wanita dan anak perempuannya. Celaka bagi sesiapa yang mencela sesuatu dari kedua ibu bapanya. Celaka bagi sesiapa yang mendatangi binatang. Celaka atas siapa yang mengubah sempadan di bumi. Celaka siapa yang menyembelih bukan kerana Allah. Celaka budak yang memberikan wala' selain pada tuannya."<sup>13</sup>

Hadis ini adalah *daif* (lemah) kerana pada sanadnya terdapat Harun al-Taimi sebagaimana al-Zahabi telah menyebut di dalam *Mizan al-'Itidal* dengan memetik pendapat al-Bukhari bahawa Harun لا يبتاع في حديثه (hadisnya tidak diikuti) beliau memetik juga pendapat al-Nasai' bahawa Harun adalah *daif* dan beliau memetik juga pendapat Ibnu Hibban bahawa Harun لا يجوز احتجاج به (tidak harus berhujjah dengannya) (al-Zahabi tanpa tarikh. 4:287). Ibnu Hajar telah menyebutkan hadis ini ada dalam *al-Zawajir* dan menyebutkan hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Tabarani di dalam *al-Awsath* dengan sanad yang sahih kecuali Mahriz dan menurut al-Tirmizi sanad hadis ini adalah *hasan* (baik) (Ibnu Hajar 1970.2:139).

#### Hadis Keempat

Pengarang kitab *Tanbih al-Ghafilan* menukilkan dari Nabi Sulaiman bin Daud AS bagi (bertanya) Iblis: *Khabarkan oleh mu akan daku apa pekerjaan yang terlebih kasih kepada mu, maka sembah (jawab)* Iblis tiada suatu yang terlebih kasih kepada hamba tuan lain daripada liwat.

Setelah dibuat kajian dan takhrij hadis, hadis ini tidak dapat dikesan di dalam sumber kitab-kitab hadis Rasulullah ﷺ.

#### Hadis Kelima

Pengarang kitab *Tanbih al-Ghafilan* menukilkan sabda Nabi ﷺ: "Telah dilaknatkan Allah Ta'ala atas orang yang mengurangkan makanan dan mengurangkan timbangan atau membesarkan dia dan masuk jamban dengan tiada basuhan (membersihkan daripada najis) kerana sekalian itu perbuatan kaum Luth, dan neraka batasan bagi barang siapa yang mengerjakan dia, dan lelaki yang menyerupai

<sup>13</sup> Al-Hakim (1978), 4: 356.

*perempuan dan a'kasnya (sebaliknya).*” Penulis mendapati lafaz hadis tersebut tidak dapat dikesan di dalam sumber kitab-kitab hadis Rasulullah ﷺ.

Takhrij Hadis:

Lafaz ini boleh dibahagikan dalam tiga bahagian hadis yang berasingan.

Bahagian yang pertama iaitu “*telah dilaknatkan Allah Taala atas orang yang mengurangkan makanan dan mengurangkan timbangan alau membesar kendi*”.

Lafaz bahagian yang kedua ialah “*masuk jamban dengan tiada basuhan kerana sekalian itu perbuatan kaum Luth dan neraka batasan bagi barang siapa yang a'kasnya (ingkar)*”.

Lafaz bahagian ketiga ialah “*lelaki yang menyerupai perempuan dan a'kasnya (sebaliknya)*”.

Lafaz hadis bahagian yang pertama sebagaimana yang disebutkan oleh pengarang tidak dapat dikesan dalam sumber hadis Rasulullah ﷺ, tetapi maksudnya bertepatan dengan firman Allah SWT iaitu:-

﴿وَيُلْهِ لِلْمُطَفِّفِينَ. الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ. وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وزَنُوهُمْ يُسِرُّونَ﴾

Bermaksud: “Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang dalam timbangan dan sukatan, iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari orang lain, mereka mengambilnya dengan cupak, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat alau menimbang untuk orang lain mereka kurangi.”<sup>14</sup> (Al-Mutaffifin, 83:1-3)

Sebab turun ayat ini adalah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, al-Baihaqi dan al-Tabari dengan sanad kesemuanya daripada Ibnu Abbas:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، كَانُوا مِنْ أَحْبَبِ النَّاسِ كَيْلًا، فَأَنْزَلَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَيُنْهِ لِلْمُطَفِّفِينَ فَأَخْسَنُوا الْكَيْلَ بَعْدَ ذَلِكَ.

Maksudnya: Daripada Ibnu Abbas dia berkata, “Talkala Nabi ﷺ tiba di Madinah, mereka adalah orang-orang yang paling buruk dalam menimbang. Maka Allah menurunkan ayat: (Celakalah bagi orang-orang yang curang dalam timbangan). Setelah itu mereka berlaku jujur dalam timbangannya”.<sup>15</sup>

Muhammad Fuad Abdul Baqi telah memetik daripada kitab *al-Zawaaid* yang menyatakan sanad hadis ini adalah hasan kerana Muhammad bin ‘Akil dan Ali bin Husin dan baki *rijal* sanadnya adalah *thiqah* (Abdul Baqi tanpa tarikh 2:748). Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh al-Nasa'i dengan sanadnya daripada Jabir katanya:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ دَعَا بِمِيزَانٍ فَوَرَّنَ لِي وَرَادِينِ.

Maksudnya: Dari Jabir, dia berkata: “Talkala Nabi ﷺ datang ke Madinah, beliau meminta timbangan, kemudian beliau menimbang untukku dan menambahiku.” (An-Nasaei 1986. 7:283).

Menurut Ibnu Hajar di dalam kitab *al-Zawajir*, mengurangkan timbangan adalah dikira sebagai dosa besar kerana memakan harta orang lain secara batil, dan dianggap mencuri serta mengkhianati (Ibnu Hajar 1970. 1:245).

<sup>14</sup> Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (1982), hlm. 1650

<sup>15</sup> (Ibnu Majah tanpa tarikh 2:748). (Al-Baihaqi 1990. 4:327). (Al-Tabari 1954. 30:91).

Hadis pada bahagian yang kedua iaitu: Berkaitan masuk jamban, lafaz asalnya tidak dapat dikesan dari sumber hadis Rasulullah ﷺ, tetapi terdapat lafaz yang berbeza iaitu diriwayatkan oleh al-Nasai dalam *al-Sunan as-Sughra* sanadnya daripada Jabir, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

عَنْ جَابِرٍ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: ((مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يَدْخُلُ الْحَمَامَ إِلَّا يَعْنِزِرٌ)).

Maksudnya: *Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka janganlah ia masuk ke bilik mandi kecuali dengan memakai kain.* (al-Nasai 1986)

Menurut al-Albani, hadis ini sanadnya sahih. Diriwayatkan juga oleh al-Baihaqi dalam *Syu'abu Al-Iman* dengan sanadnya daripada kisah Qabisah bin Zuaib katanya: Aku mendengar Umar bin Al-Khattab berkata:

"لَا يَجُلُّ لِرَجُلٍ يَدْخُلُ الْحَمَامَ إِلَّا يَعْنِزِرٌ، وَلَا يَجُلُّ لِمُرْأَةٍ أَنْ تَدْخُلَ الْحَمَامَ، فَقَامَ رَجُلٌ فَقَالَ: لَقَدْ مَعْنَثَهَا مِنْ حِينَ سَمِعْتُكَ تَنْهَى عَنْ ذَلِكَ، وَإِنَّهَا لَسَقِيمَةٌ، فَقَالَ عُمَرُ: إِلَّا مِنْ سَقِيمٍ".

Maksudnya: *Tidak boleh lelaki masuk bilik air kecuali dengan pakai kain, dan tidak boleh perempuan masuk bilik air. Kemudian seorang lelaki bangun dan berkata: Saya melarangnya karena saya mendengar kamu melarangnya, dan dia itu tidak sihat. Umar berkata: "Kecuali orang yang sakit".* (Al-Baihaqi.1990.6:159). Diriwayatkan juga oleh Ahmad dalam Musnadnya, sanadnya daripada Abu Hurairah dengan lafaz:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: ((مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ مِنْ ذُكُورٍ أُمَّتِي، فَلَا يَدْخُلُ الْحَمَامَ إِلَّا يَعْنِزِرٌ، وَمَنْ كَانَتْ شُؤُمُنْ بِاللَّهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ مِنْ إِنَاثٍ أُمَّتِي، فَلَا تَدْخُلُ الْحَمَامَ)).

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: *Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari Akhiral, maka untuk kaum laki-laki dari umatku janganlah masuk ke bilik mandi kecuali dengan kain sarung, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka untuk kaum wanita dari umatku janganlah masuk ke tempat pemandian umum.* (Ahmad 2001)

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah sanadnya daripada Ghalib al-Qattan bahawa Umar bin Abdul Aziz telah menulis surat kepada amilnya di Basrah iaitu:

عَنْ عَالِيِّ الْقَطَّانِ: أَنَّ عُمَرَ بْنَ عَبْدِ الْعَزِيزِ كَتَبَ إِلَى عَامِلِهِ عَلَى الْبَصْرَةِ: أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّمَا مَنْ قَبِيلَكَ لَكَ لَا يَدْخُلُوا الْحَمَامَ إِلَّا يَعْنِزِرٌ.

Maksudnya: *Omar bin Abdul Aziz menulis kepada gabenornya di Basrah: Adapun yang berikut, kerana orang sebelum kamu mereka tidak memasuki bilik air melainkan memakai kain.* (Ibnu Abi Syaibah 1989:134). Diriwayatkan juga oleh Ibnu Abi Syaibah dalam *Al-Musannif Fi Al-Ahadi* wa *Al-Alhar* dengan sanadnya daripada Sai'd bin Jubair katanya:

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ قَالَ: حَرَامٌ عَلَيْهِ دُخُولُ الْحَمَامِ بِعَيْرٍ مِنْزِرٍ.

Maksudnya: *Haram keatasnya memasuki jamban tanpa pakai kain.* (Ibnu Abi Syaibah 1989:134).

Hadis tersebut juga diriwayatkan oleh Ibn 'Adi al-Jurjani dalam *al-Kamil fi Dhuafa al-Rijal* daripada Jabir daripada Nabi ﷺ:

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((لَا يَدْخُلُ أَحَدُكُمُ الْمَاءَ إِلَّا يُغْزِرُ)).

Maksudnya: Daripada Jabir dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: *Tidak boleh seorang pun di antara kamu yang masuk ke dalam air kecuali dengan pakai kain.* (Ibnu Adi 1988. 7:195). Diriwayatkan juga oleh Ibnu Adi dalam *al-Kamil fi Dhuafa al-Rijal* dengan sanadnya daripada Abu Hurairah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((لَا يَدْخُلُ الرَّجُلُ الْحُمَّامَ إِلَّا يُمْدِيلُ، وَلَا تَدْخُلِ الْمَرْأَةُ إِلَّا يُمْدِيلُ، وَلَا يَغْزِرُ مِنْدِيلٌ)).

Maksudnya: Dari Abu Hurairah dia berkata: Nabi SAW bersabda: *Tidak boleh seseorang lelaki memasuki bilik mandi kecuali dengan memakai kain, dan seorang wanita tidak boleh masuk jamban dengan kain.* (Ibnu Adi 1988. 6:374).

Hadis pada bahagian ketiga tentang Rasulullah SAW melaknat lelaki yang menyerupai wanita, dan wanita yang menyerupai lelaki. Telah diriwayatkan oleh dua orang sahabat iaitu Ibnu Abbas dan Abu Hurairah. Dikeluarkan oleh al-Bukhari dengan sanadnya kalanya:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ.

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Abbas dia berkata: *Rasulullah SAW melaknat lelaki yang menyerupai wanita, dan wanita yang menyerupai lelaki.* (Al-Bukhari 1959. 12:451). Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Abu Daud dengan sanad daripada Ibnu Abbas katanya:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ الْمُتَشَبِّهِاتِ بِالرِّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهِينَ بِالنِّسَاءِ مِنَ الرِّجَالِ. قَالَ أَبُو عِيسَى: هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيفٌ.

Maksudnya: *Rasulullah SAW melaknat wanita yang menyerupai lelaki dan lelaki yang menyerupai wanita.* Menurut al-Tirmizi, hadis ini adalah *hasan sahih.* (Al-Tirmizi 1964. 8:69; Abu Daud tanpa tarikh. 4:60). Menurut al-Tirmizi, hadis ini adalah *hasan sahih.*

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ibnu Majah dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعْنَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَلَعْنَ الْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ.

Maksudnya: Ibnu Abbas berkata, "Nabi ﷺ melaknat kaum laki-laki yang menyerupai wanita dan kaum wanita yang menyerupai laki-laki." (Ibnu Majah tanpa tarikh. Laki-laki Yang Menyerupai Wanita. 1:614). Muhammad Fuad Abdul Baqi telah memetik daripada kitab *al-Zawa'id* sebagai menyebut sanad hadis ini adalah *hasan* (baik) kerana pada sanadnya terdapat Ya'kub bin Hamid. Beliau adalah "*muktaif*" dan baki *rijal* nya adalah *thiqah* (diperlakukan) (Abdul Baqi tanpa tarikh. 1:614). Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Abdullah bin Amr bin al-'As daripada Nabi ﷺ (Ahmad 1995. 6:352).

Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah *hasan* (baik) (Muhammad Shakir 1995. 6:352). Menurut al-Suyuti, sebagaimana yang disebut di dalam *Majma' Al-Saghir*, hadis daripada Ibnu Umar ini adalah *sahih* (As-Suyuti 1981. 2:465)

Diriwayatkan juga oleh Abu Daud dengan lafaz yang lain, sanadnya daripada Abu Hurairah kalanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلُ يَلْبِسُ لِيْسَةَ الْمَرْأَةِ وَالْمَرْأَةُ تَلْبِسُ لِيْسَةَ الرَّجُلِ

Maksudnya: Abu Hurairah ia berkata: *Rasulullah ﷺ melaknat laki-laki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian laki-laki.* (Abu Daud tanpa tarikh. 4:60).

### **Hadis Keenam**

Pengarang menukilkan sabda Nabi ﷺ: *Barang siapa mati padahal ia mengerjakan pekerjaan kaum Nabi Allah Luth tiada diam ia di dalam kuburnya melainkan satu saat jua (tidak mendapat ketenangan walau pun satu saat), kemudian maka disuruh Allah Ta'ala seorang malaikat (menyamar) seperti burung, maka disambarnya mayat itu dengan dua kakinya dan diterbangkannya kepada negeri kaum Nabi Luth, dan tersurat (tertulis) pada dahinya putusnya ia daripada rahmat Allah.*

Setelah dibuat *takhrij* terhadap hadis ini didapati lafaz hadis ini tidak dapat dikesan di dalam sumber hadis Rasulullah ﷺ.

### **Hadis Ketujuh**

(Dan telah bersabda) Rasulullah ﷺ lagi: *Akan datang pada hari kiamat beberapa kanak-kanak yang tiada bagi mereka itu kepala, maka berkata Allah Ta'ala kepada mereka itu siapa kamu?. Maka sembah sekalian mereka itu “kami telah kena aniaya”, maka berkata Allah Ta'ala, “siapa yang menganiaya akan kamu?”, maka sembah mereka itu, “bapa kami adalah mereka itu mendatangkan duburnya”.* Setelah dibuat kajian dan takhrij, lafaz hadis ini tidak dapat dikesan di dalam sumber kitab hadis.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Pengarang membawa tujuh hadis dalam bab liwat ini, hadis pertama berkaitan arahan Nabi ﷺ supaya dibunuh pelaku liwat dan yang kena liwat, yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi, Abu Daud, al-Baihaqi, Ahmad dan Ibn Majah. Sahabat yang meriwayatkannya Ibnu Abbas dan Abu Hurairah. Sanad hadis ini dihukumkan sahih oleh ulama hadis. Namun terdapat hadis yang sedikit berlainan lafaz iaitu tentang cara hukuman, mereka hendaklah direjam. Menurut ulama, status sanadnya adalah hasan. Dimasukan dengan hadis berkaitan bersetubuh dengan binatang, diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tirmizi daripada Ibnu Abbas, hukumannya adalah bunuh. Ulama menyatakan sanad hadis ini adalah sahih.

Hadis tentang hukuman peliawat dilontarkan dengan batu pada tempat yang tinggi hingga mati, diriwayatkan oleh al-Baihaqi daripada Ibnu Abbas, sanadnya adalah *mauquf* kepada Ibnu Abbas. Menurut al-Baghawi ulama telah berselisih pendapat tentang hukum hudud terhadap orang yang berliwat di mana setengah pendapat menyatakan hukumannya sama dengan hukuman zina iaitu jika sudah berkahwin hendaklah direjam, dan bagi yang belum berkahwin hendaklah disebat seratus kali. Disambung dengan hadis jika dimandikan peliawat dengan semua jenis air pasti najis tidak hilang. Hadis ini terkandung dalam kitab berstatus *maudu'at*. Hadis yang ketiga berkaitan tujuh kaum diseksa iaitu peliawat, yang kena liwat, yang berzina dengan perempuan pada duburnya, zina dengan binatang, zina dengan perempuan dan anaknya dan berzina dengan perempuan yang sudah bersuami, orang yang menyakiti hati orang lain kecuali dia bertaubat.

Menurut ulama, hadis ini adalah lemah, kerana pada sanadnya terdapat Harun al-Taimi, al-Zahabi, telah menyebut dalam *Mizan al-'Itidal* dengan memetik pendapat al-Bukhari bahawa Harun لا يتع في حديثه “hadisnya tidak diikuti” Ibnu Hajar telah menyebutkan hadis ini ada dalam *al-Zawajir* dan menyebutkan hadis ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam *al-Awsath* dengan sanad yang sahih kecuali Mahriz dan menurut al-Tirmizi sanad hadis ini adalah hasan. Hadis Keempat adalah jawapan iblis perbuatan yang disukainya adalah liwat apabila ditanya oleh Nabi Sulaiman. Hadis ini tidak dapat

dikesan di dalam sumber kitab-kitab hadis. Hadis Kelima tentang Allah melaknat peniaga menipu timbangan, tidak bersuci daripada najis dengan sempurna dan lelaki yang menyerupai perempuan dan sebaliknya. Penulis mendapati lafaz hadis tersebut tidak dapat dikesan di dalam sumber kitab-kitab hadis.

Lafaz tentang menipu dalam timbanga ia bertepalan dengan ayat al-Quran Surah al-Mutaffifin ayat 1-3. Manakala isu tentang masuk jamban tidak sempurna bersuci, lafaz asalnya tidak dapat dikesan, tetapi terdapat lafaz yang berbeza iaitu diriwayatkan oleh al-Nasai dalam al-Sunan al-Sughra daripada Jabir dan al-Baihaqi daripada Umar al-Khattab bahawa Rasulullah menyatakan tentang orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, bila masuk ke bilik air hendaklah memakai kain. Menurut al-Albani sanadnya sahih. Manakala pada lafaz tentang dilaknat lelaki yang menyerupai wanita dan sebaliknya diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tirmizi daripada Ibnu Abbas. Menurut al-Tirmizi, hadis ini adalah hasan sahih. Menurut al-Suyuti, sebagaimana disebut dalam *Majma' Al-Saghir*, hadis daripada Ibnu Umar ini adalah sahih. Hadis Keenam berkaitan sesiapa yang mati sedang dia melakukan perbuatan kaum Luth dalam kubur nanti akan disiksa oleh Allah. Namun lafaz hadis itu tidak dapat dijumpai dalam kitab hadis. Hadis Ketujuh berkaitan situasi hari kiamat terdapat kanak-kanak yang tidak berkepala menunjukan bapa mereka adalah pelaku liwat, namun hadis ini tidak dapat dikesan di dalam sumber kitab hadis.

## KESIMPULAN

Pengarang membawa hadis pertama dalam bab liwat ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi, Abu Daud, Ibn Majah, al-Hakim dan al-Baihaqi dengan sanad daripada Ibnu Abbas. Menurut al-Hakim sanad hadis ini adalah sahih. Hadis kedua pula dibahagikan kepada tiga bahagian. Dalam bahagian pertama, menurut pendapat ulama hukuman orang berliwat adalah direjam sama ada *muhsan* atau bukan *muhsan*. Pendapat ini adalah pendapat Malik, Ahmad dan Ishak serta menurut pendapat setengah daripada mazhab Syafi'e, hendaklah dibunuuh kedua-duanya iaitu *al-fa'il* dan *al-mafu'ulun bih* sebagaimana zahir hadis di atas, dan di sisi Abu Hanifah pula hendaklah dikenakan *ta'zir*, bukannya dihukum hudud. Pada bahagian kedua “jika dimandikan orang berliwat itu dengan segala air di dunia ini nescaya tiada hilang najis”: Al-'Ajluni menyebutkan dalam kitabnya *Kasyfu al-Khafa'* dengan menyebutkan bahawa hadis ini terkandung dalam kitab *al-Mawdu'at* oleh Ibn al-Jawzi dan al-Suyuti dalam *al-Lali' al-Masnu'ah*, dan al-Sakhawi menyebutkan dalam kitab *al-Maqasid al-Hasanah*, bahawa makna hadis ini adalah batil. Lafaz bahagian yang ketiga dapat dikesan sebagaimana yang disebutkan oleh al-Zahabi dalam *al-Kabair*, malannya adalah *maudhu'* (palsu).

Pada hadis ketiga dapat dikesan tetapi dengan lafaz yang berbeza iaitu yang diriwayatkan oleh al-Samarqandi dengan sanadnya daripada Abdillah bin Amr. Al-Baihaqi di dalam *Syu'abu al-Iman* dan al-Dailami dengan sanad daripada Anas bin Malik, Al-Hakim dalam *al-Mustadrak* dengan sanadnya daripada Abu Hurairah. Hadis ini adalah *daif* (lemah). Ibnu Hajar menyebutkan hadis ini dalam *al-Zawajir*. Menurut al-Tirmizi, sanad hadis ini adalah *hasan*. Hadis keempat tidak dapat dikesan dalam kitab hadis. Hadis kelima terdapat tiga bahagian. Bahagian yang pertama sanad hadis ini adalah *hasan*. Pada bahagian yang kedua diriwayatkan oleh Ibnu Adi dalam *al-Kamil fi Dhuafa al-Rijal* dengan sanadnya daripada Abu Hurairah. Hadis bahagian ketiga diriwayatkan oleh ramai perawi hadis, hadis sahih diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas. Manakala hadis keenam dan ketujuh, lafaznya tidak dapat dikesan dalam sumber kitab hadis.

## RUJUKAN

- [1] Abd al-Razzaq al-San`ani (1983). *al-Musannaf*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- [2] Abu Daud al-Sijistani (1997). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- [3] Ahmad bin Hanbal. (1995). *Musnad Ahmad*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- [4] Al-Baihaqi, (1994). *al-Sunan al-Kubra*, tahqiq Muhammad Abd al-Qadir Ala. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [5] Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2007). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [6] Al-Daraqutni. (2011). *Sunan al-Daraqutni*, ed. Majdi Mansur Sayyid al-Syura. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [7] Ibn Abi Syaibah, Abu Bakr (1995). *al-Kitab al-Musannaf fi al-Ahadij wa al-Alhar*, tahqiq Muhammad Abd al-Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [8] Ibn Majah. (2003). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [9] Ibn al-Salah. (1986). *Uulum al-Hadis -Muqaddimah Ibn al-Salah-*, tahqiq Dr Nuruddin `Itr, Dimasyq, Dar al-Fikr.
- [10] Malik bin Anas. (1993). Muwatta' Malik. Beirut: Mu`assasah al-Risalah.
- [11] Muslim (t.t). *Sahih Muslim*, Tahqiq Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Beiurt, Dar Ihya` al-Turath al-Arabi.
- [12] Al-Nasa'i. (1999). *Sunan al-Nasa'i*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- [13] Al-Sakhawi, Shams al-Din. (1426h). *Fath al-Mughith*, Tahqiq Dr Abdul Karim al-Khudair et al, Riyadh, Darl al-Minhaj.
- [14] Al-Tirmidhi. (2011). *Sunan al-Tirmidhi*, tahqiq Mahmud Muhammad Hassan Nassar. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.